

**SOALAN NO. 25**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** YANG BERHORMAT DATO' SRI ABDUL AZEEZ  
BIN ABDUL RAHIM [ BALING ]

**TARIKH :** 23 MAC 2017

**SOALAN :**

**YB Dato' Sri Abdul Azeez Bin Abdul Rahim [ Baling ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada bercadang untuk menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja berhubung dengan dakwaan kerugian Bank Negara Malaysia dalam aktiviti tukaran mata wang asing (Forex) sepanjang tahun 1991 sehingga 1993.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Kabinet telah menubuhkan sebuah Task Force untuk menjalankan siasatan awal berkenaan kerugian urus niaga mata wang asing oleh Bank Negara Malaysia pada sekitar tahun 1990-an.

Task Force ini akan dianggotai oleh pelbagai agensi Kerajaan termasuk individu-individu yang dihormati dan berpengalaman dalam bidang-bidang tertentu. Ianya akan diketuai oleh bekas ketua Setiausaha Negara Tan Sri Mohd Sidek Hassan.

Penubuhan Task Force ini merupakan langkah permulaan untuk mendapatkan semua fakta-fakta yang berkaitan - menganalisis semua Hansard rasmi mesyuarat-mesyuarat Parlimen pada masa itu, minit-minit Mesyuarat Kabinet yang terdahulu, laporan Ketua Audit Negara, Bank Negara Malaysia dan laporan-laporan lain daripada agensi-agensi yang berkenaan.

Ia juga bertujuan untuk mengetahui apa sebenar yang telah berlaku, jumlah kerugian sebenar dan sama ada terdapat salah laku tatacara pentadbiran kewangan serta adanya tindakan pihak tertentu untuk menutup apa yang sebenar berlaku dari pengetahuan rakyat Malaysia selama ini.

Task Force ini akan mengemukakan syor dan cadangan untuk dipertimbangkan oleh Kabinet dalam tempoh terdekat dan tindakan selanjutnya termasuklah penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) jika perlu berdasarkan hasil siasatan itu nanti.

Tindakan Kerajaan ini membuktikan komitmen dan ketelusan Kerajaan untuk memastikan urusan Bank Negara pada ketika itu dijalankan mengikut urus tadbir yang ditetapkan. Kerajaan akan sentiasa terbuka dan transparen dalam siasatan ini memandangkan ianya melibatkan Bank Negara Malaysia dan dikatakan skandal kewangan terbesar.

Sekian, terima kasih.

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI DR. WAN AZIZAH BIN WAN ISMAIL**

**TARIKH : 23.3.2017**

**SOALAN : NO. 26**

**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Bin Wan Ismail [ Permatang Pauh ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan susulan daripada pemotongan bajet bagi universiti awam, sejauh mana pemotongan ini memberi kesan kepada penarafan universiti awam di dalam QS World Universiti Ranking serta apakah sasaran Kementerian dalam penghasilan penyelidikan dan kertas kerja kajian yang dikeluarkan oleh 20 universiti awam bagi tempoh lima tahun.

### **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan bagi tahun 2017 yang disalurkan untuk tujuan pembangunan program penyelidikan di Universiti Awam (UA) adalah sebanyak RM400 juta berbanding dengan RM370 juta bagi tahun 2016 iaitu tambahan sebanyak RM 30 juta. Justeru, aktiviti penyelidikan di UA tidak terjejas dan tetap diteruskan mengikut perancangan bagi memastikan kedudukan universiti tempatan terus diperkuuhkan di peringkat global.

Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) sentiasa memberikan keutamaan terhadap penyelidikan berfokus yang memberi manfaat kepada masyarakat, ekonomi, akademik dan industri. KPT telah mengumumkan

bahawa tahun 2017 merupakan tahun *Translational Research* yang mana program penyelidikan dilaksanakan bertepatan dengan agenda nasional dan memberi manfaat secara langsung kepada pelbagai sektor.

Selain itu, KPT telah mengambil langkah proaktif melalui penstruktur semula pelaksanaan program penyelidikan mengikut keutamaan dan bidang strategik. Penstruktur semula ini dilaksanakan melalui jaringan kerjasama dengan pelbagai sektor dan institusi pendidikan tinggi sama ada di dalam dan luar negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan pangkalan data antarabangsa Scopus, sepanjang tempoh 2011 hingga 2015, sebanyak 101,435 penerbitan ilmiah telah dihasilkan oleh penyelidik daripada 20 buah UA dan menjadi rujukan di peringkat antarabangsa. Jumlah sitasi yang diterima berdasarkan jumlah penerbitan ilmiah tersebut ialah sebanyak 428,355.